

DASAR HADIAH DAN HIBURAN SEKITAR DUNIA

I. PENGENALAN

Hadiah bisnes dan hiburan secara sederhana biasanya digunakan untuk membina perasaan muhibbah dan memperkukuhkan hubungan bekerja di kalangan sekutu. Memberi atau menerima tawaran untuk makan sekali-sekala, cenderamata syarikat dan tiket untuk acara sukan dan budaya mungkin sesuai dalam keadaan tertentu. Sekali-sekala, mungkin juga wajar untuk menerima atau memberi tawaran yang melibatkan perjalanan untuk acara bisnes dengan rakan-rakan bisnes kita. Walaubagaimanapun, kalau tawaran hadiah, hiburan atau perjalanan itu kerap atau bernilai tinggi, ini mungkin membawa tanggapan, atau sebenarnya, percanggahan kepentingan atau pembayaran haram.

Eaton telah mengembangkan dasar ini untuk menolong para pekerja membuat keputusan yang betul semasa memberi atau menerima hadiah, hiburan atau perjalanan semasa menjalankan bisnes bagi pihak Eaton.

II. BIDANG

Dasar ini diguna oleh semua bahagian Eaton Corporation dan Cawangan Eaton di seluruh dunia. Unit-unit bisnes Eaton mungkin, dengan budi bicara mereka sendiri, menetapkan sekatan yang lebih keras khusus bagi sesuatu negara, tetapi tidak kurang.

III. DASAR

Menerima Hadiah (Bukan Pegawai Kerajaan)

Eaton mengiktirafkan bahawa sudah menjadi adat resam sesetengah para pembekal, pelanggan dan juga rakan bisnes untuk sekali-sekala memberi hadiah-hadiah kecil kepada orang yang berurusan dengan mereka. Walaubagaimanapun, adalah penting yang hadiah-hadiah ini tidak menjejaskan pertimbangan bisnes, atau memberi tanggapan bahawa apa-apa pertimbangan akan terjejas. Justeru itu, Eaton dan para pekerjanya mestilah berhati-hati apabila menerima hadiah. Secara amnya, para pekerja boleh terima hadiah daripada para pembekal atau lain-lain rakan bisnes, asalkan hadiah tersebut:

- tidak menimbulkan tanggapan (atau tanggapan kewajipan) bahawa pemberi hadiah itu berhak mendapat layanan lebih baik, diberi bisnes, harga yang lebih baik atau syarat-syarat jualan yang lebih baik;
- akan memalukan Eaton atau pemberi hadiah jika ianya diumumkan kepada orang ramai;

- kalau bernilai AS\$100 atau lebih (walaupun bersifat promosi), dilaporkan kepada pengurus penerima peringkat pertama dan kedua dan dimaklumkan di bawah Prosidur Pemberitahuan Hadiah dan Hiburan Eaton;
- tidak melebihi sebarang had khusus yang ditetapkan oleh pengurusan tempatan, dan
- tidak akan menghalang penerima daripada memberi bisnes Eaton kepada salah satu pesaing pemberi hadiah.

Hadiah-hadiah berikut adalah *tidak* sesuai:

- hadiah wang tunai, atau yang serupa dengan wang tunai (seperti kad hadiah atau sijil hadiah);
- hadiah yang dilarang oleh undang-undang tempatan;
- hadiah yang diberi sebagai rasuah, sogokan (misalnya, untuk mendapat atau kekalkan sesuatu bisnes, atau untuk mendapat kelebihan secara tidak betul, misalnya mendapat layanan cukai yang lebih menguntungkan);
- hadiah-hadiah yang penerima tahu dilarang oleh pertubuhan pemberi hadiah tersebut; dan
- hadiah-hadiah yang diberi dalam bentuk perkhidmatan atau faedah bukan tunai (misalnya, janji pekerjaan).

Jumlah nilai terkumpul semua hadiah dalam setahun seseorang pekerja itu terima daripada seorang pemberi hadiah tidak boleh melebihi AS\$250 kecuali dimaklumkan di bawah Prosidur Pemberitahuan Hadiah dan Hiburan Eaton dan diluluskan oleh Presiden Serantau yang sesuai, atau, bagi Amerika Utara, oleh Naib President unit fungsi, geografik atau bisnes.

Para pekerja yang menerima hadiah di sesuatu acara yang bersifat upacara (misalnya, satu lawatan pelanggan atau upacara peringatan sesebuah transaksi bisnes) yang mungkin tidak sesuai di bawah garis panduan ini, tetapi yang tidak praktikal atau yang kalau ditolak akan menyinggung perasaan, mungkin boleh terima dan kemudian dengan cepatnya buat laporan kepada penyelia mereka. Pekerja dan penyelia kemudian boleh membincangkan tindakan yang sesuai.

Para pekerja Eaton tidak boleh meminta hadiah, ganjaran atau barang lain yang memanfaatkan mereka secara peribadi, tidak kira nilainya. Para pekerja diharap akan mengguna pertimbangan yang baik ketika menerima hadiah daripada para pembekal, pelanggan atau rakan bisnes. Para pekerja harus bercakap dengan penyelia mereka kalau mereka berasa ragu sama ada wajar atau tidak untuk menerima hadiah itu.

Menerima Hiburan (Pegawai Bukan Kerajaan)

Hiburan bisnes (misalnya, majlis makan, tiket ke teater atau acara sukan) boleh main peranan yang penting dalam memperkukuhkan hubungan bekerja di kalangan rakan bisnes. Begitu juga, para pekerja Eaton boleh menerima hiburan bisnes yang ditawarkan untuk tujuan yang sah, seperti membina silaturrahim dan mengembangkan hubungan dengan pelanggan atau pembekal, asalkan ia mematuhi garian panduan ini. Khususnya, menerima hiburan daripada rakan bisnes dibenarkan *hanya* kalau hiburan tersebut:

- mematuhi Dasar Perbelanjaan Perjalanan Sekitar Dunia Eaton;
- tidak kerap;
- sedikit sebanyak berhubungkait dengan tujuan bisnes yang sah (misalnya, mengiringi seorang pelanggan atau pembekal ke teater/acara tempatan atau menghadiri majlis makan bisnes);
- tidak diberi sebagai rasuah atau sogokan (misalnya, untuk mendapat atau kekalkan bisnes, atau mendapat kelebihan yang tidak betul);
- tidak mewujudkan tanggapan (atau tanggapan tanggungjawab) yang pemberi hadiah berhak mendapat layanan lebih baik, pemberian bisnes, harga yang lebih baik atau syarat pembelian yang lebih baik;
- tidak menyinggung perasaan dan berlaku di tempat bisnes yang sesuai;
- adalah wajar dan sesuai dalam konteks acara bisnes;
- tidak akan mempengaruhi, atau nampaknya akan mempengaruhi, keupayaan pekerja untuk bertindak dalam kepentingan terbaik Eaton;
- dimaklumkan di bawah Prosidur Pemberitahuan Hadiah dan Hiburan Eaton ; dan
- mematuhi dengan sebarang had khusus yang ditetapkan oleh pengurusan tempatan.

Yang berikut adalah *tidak* wajar:

- hiburan yang boleh dianggap sebagai keterlaluan dalam konteks acara bisnes;
- hiburan “dewasa” atau sebarang acara yang melibatkan pertunjukan bogel atau perilaku lucah;
- hiburan yang penerima tahu pemberi hadiah tidak dibenarkan beri; dan
- hiburan yang kalau tidaknya dilarang oleh pengurusan tempatan.

Para pekerja harus bercakap dengan seorang penyelia apabila berasa ragu sama ada sesuatu acara, lokasi atau perbelanjaan itu wajar.

Akhir sekali, ambil perhatian bahawa garis panduan hiburan ini dikenakan kepada situasi di mana hos hadir bersama. Tiket ke acara-acara sukan atau budaya diberikan kepada para pekerja Eaton dan tidak dihadiri oleh hosnya sbenarnya adalah “hadiah,” dan bukan “hiburan,” dan boleh dilihat di bawah garis panduan hadiah di atas.

Menerima Perjalanan (Pegawai Bukan Kerajaan)

Sekali sekala, mungkin wajar untuk para pelanggan, pembekal atau rakan bisnes yang lain untuk membayar perbelanjaan berkaitan dengan perjalanan pekerja Eaton. Oleh kerana situasi sebegini jarang berlaku, tawaran untuk membayar untuk perjalanan dan/atau perbelanjaan yang berkaitan daripada pihak ketiga *mesti* : a) dilihat dan diluluskan oleh pengurus pelapor peringkat pertama dan kedua; dan b) dimaklumkan di bawah Prosidur Pemberitahuan Hadiah dan Hiburan Eaton.

Dalam mengkaji permintaan untuk perjalanan, pengurus pelapor peringkat pertama dan kedua harus mempertimbangkan beberapa faktor, termasuk sama ada:

- tujuan utama perjalanan ini berkaitan dengan bisnes;
- kelas perjalanan itu sesuai dalam konteks bisnes;
- perbelanjaan yang dicadangkan mematuhi undang-undang dan adat Amerika Syarikat dan tempatan, dan
- program perjalanan mengurangkan lawatan sampingan dan mengelak destinasi pelancongan atau percutian.

Ambil perhatian bahawa Eaton biasanya tidak akan meluluskan perbelanjaan perjalanan untuk pasangan atau anak-anak, dan tidak akan meluluskan apa yang nampaknya disediakan sebagai balasan bisnes atau manfaat yang diperolehi menerusi cara yang tidak betul.

Prosedur Pemberitahuan Hadiah dan Hiburan

Prosedur Pemberitahuan Hadiah dan Hiburan Eaton akan merupakan elemen utama dalam memastikan pematuhan dasar ini. Prosedur ini, yang akan termasuk laporan online, sekarang ini sedang dikembangkan, dan akan disalurkan ke seluruh Eaton sebaik sahaja selesai.

Contoh

Contoh-contoh berikut dibuat untuk menolong para pekerja dan penyelia membuat keputusan berpengetahuan mengenai kesesuaian menerima atau menolak hadiah, hiburan atau perjalanan.

Betul: Seorang pekerja menang pertandingan “paling terdekat dengan pin” semasa satu rombongan lawatan golf dengan para pembekal dan menerima satu set kayu golf yang bernilai AS\$600. Untuk mengelak menyinggung perasaan hosnya, pekerja itu dengan terangnya menerima kayu golf tersebut, tetapi membuat rancangan untuk memulangkannya selepas acara tersebut.

Salah: Dalam senario di atas, pekerja menyimpan kayu golf dan memberikannya kepada anggota keluarga.

Betul: Eaton sekarang ini mendapat perkhidmatan buruh sementara di Negara X di bawah kontrak dengan TempCo, Inc. yang akan tamat dalam masa sebulan. Pengurus serantau TempCo menjemput pengurus HR tempatan Eaton ke sebuah majlis resepsi kesatuan sekerja di mana seorang menteri Buruh Negara X akan membincangkan perubahan kepada undang-undang buruh tempatan. Acara ini terbuka kepada anggota kesatuan sekerja, di mana tiket berharga lebih kurang AS\$100. Pengurus HR menerima jemputan ini dan memaklumkan kehadirannya di resepsi menggunakan Prosidur Pemberitahuan Hadiah dan Hiburan Eaton.

Salah: Dalam senario di atas, acara ini bukan majlis resepsi, tetapi majlis makan malam peribadi untuk sepuluh orang. Pengurus HR mendapat tahu bahawa TempCo membayar menteri buruh lebih daripada AS\$10,000 untuk berucap di acara tersebut, tetapi terus menghadiri acara itu juga tanpa memberitahu penyeliannya.

Betul: Seorang pembekal yang berpangkalan di Atlanta, Georgia telah membekal salah sebuah bahagian Eaton dengan produk yang rosak. Pengurus rantai bekalan bahagian tersebut mesti bekerja dengan pembekal tersebut untuk memastikan sebab kerosakan, serta juga tindakan pembetulan. Untuk memudahkan ini, pembekal mencadangkan yang ia membayar tambang pesawat pengurus rantai bekalan serta hotelnya untuk melawat kilangnya. Pengurus rantai bekalan memberitahu pengurus pelapor peringkat pertama dan kedua, yang meluluskan lawatan tersebut.

Salah: Seorang pengurus serantau diminta oleh salah seorang yang melapor secara langsung kepadanya untuk meluluskan lawatannya. Bagaimanapun, dia mendapat tahu bahawa pembekal itu juga membayar penginapan sehari lebih di hotel (dibayar oleh pembekal) dan melayan pekeja itu dengan permainan golf. Pengurusnya meluluskan tempoh lawatannya itu, dan bukan sahaja perbelanjaan yang berkaitan dengan bisnes yang dibayar oleh pembekal.

Pemberian Hadiah (Pegawai Bukan Kerajaan)

Sekali sekala, pemberian hadiah kepada pihak ketiga mungkin wajar untuk memperkukuhkan hubungan atau mematuhi adat tempatan. Justeru itu, Eaton membenarkan hadiah sebegitu, asalkan mereka mematuhi garis-garis panduan

ini. Khususnya, para pekerja Eaton boleh memberi hadiah kepada pembekal, pelanggan atau rakan bisnes yang lain untuk tujuan bisnes yang sah, seperti membina perasaan silaturrahim dan memperkukuhkan hubungan bekerja (misalnya, percutian atau upacara pembentangan, ulangtahun perkhidmatan, atau persaraan), *asalkan* hadiah itu:

- bernilai di bawah AS\$100 (pilihan harus diberi kepada barangan untuk promosi, seperti barang yang disenaraikan dalam laman web Eaton Company Store);
- kalau dinilai pada AS\$100 atau lebih, diluluskan oleh pengurus pelapor peringkat pertama dan kedua pemberi hadiah di bawah Prosidur Pemberitahuan Hadiah dan Hiburan Eaton;
- tidak akan memalukan Eaton atau penerima jika diumumkan kepada khalayak ramai; dan
- tidak melebihi sebarang had khusus yang ditetapkan oleh pengurusan tempatan.

Hadiah-hadiah berikut adalah *tidak* sesuai:

- hadiah wang tunai, atau nilai sama dengan wang tunai (seperti kad hadiah atau sijil hadiah);
- hadiah yang merupakan rasuah, sogokan (misalnya, hadiah yang diberi untuk mendapat atau mengekalkan bisnes, atau untuk mendapat kelebihan yang tidak betul);
- hadiah yang dilarang oleh undang-undang tempatan;
- hadiah-hadiah yang pemberi hadiah tahu dilarang oleh pertubuhan penerima;
- hadiah yang diberi dalam bentuk perkhidmatan atau faedah yang bukan wang tunai (misalnya, janji pekerjaan); dan
- hadiah kepada anggota keluarga pelanggan, pembekal atau rakan-rakan bisnes yang lain.

Jumlah nilai terkumpul dalam setahun semua hadiah seorang pekerja boleh beri kepada mana-mana penerima tidak boleh melebihi AS\$250 kecuali dimaklumkan di bawah Prosidur Pemberitahuan Hadiah dan Hiburan Eaton dan diluluskan oleh Presiden Serantau yang berkenaan, atau, bagi Amerika Utara, oleh Naib Presiden unit fungsi, geografik atau bisnes.

Para pekerja dijangka akan mengamalkan pertimbangan yang baik dalam pemberian hadiah kepada pembekal, pelanggan atau mana-mana rakan bisnes. Para pekerja harus bercakap dengan penyelia mereka sekiranya mereka berasa ragu mengenai sama ada sebarang acara, lokasi atau perbelanjaan itu wajar.

Hiburan (Pegawai Bukan Kerajaan)

Hiburan bisnes (misalnya, majlis makan, tiket ke teater atau acara sukan) boleh main peranan penting dalam memperkukuhkan hubungan bekerja di kalangan rakan-rakan bisnes. Justeru itu, Eaton membenarkan hiburan bisnes apabila dilakukan untuk tujuan bisnes yang sah, seperti membina silaturrahim dan mengembangkan lagi hubungan dengan para pelanggan atau pembekal, asalkan ia mematuhi dengan garis-garis panduan ini. Khususnya, melayan rakan-rakan bisnes dibenarkan *hanya* kalau hiburan tersebut:

- mematuhi Dasar Perbelanjaan Perjalanan Sekitar Dunia Eaton;
- bukan rasuah atau sogokan (misalnya, diberikan untuk mendapat atau mengekalkan bisnes, atau untuk mendapat kelebihan yang tidak betul);
- tidak mewujudkan tanggapan bahawa Eaton berhak menerima layanan yang lebih baik;
- tidak menyinggung perasaan dan dilakukan di sebuah tempat bisnes yang sesuai;
- adalah wajar dan sesuai dalam konteks acara bisnes tersebut; dan
- mematuhi sebarang had khusus yang ditetapkan oleh pengurusan tempatan.

Yang berikut adalah *tidak* sesuai:

- hiburan atau layanan yang boleh dianggap sebagai keterlaluan oleh pihak ketiga;
- hiburan “dewasa” atau jenis acara yang melibatkan pertunjukan bogel atau perilaku lucah;
- hiburan atau layanan yang hos tahu bahawa penerima tidak dibenarkan menerima; dan
- hiburan yang kalau tidaknya dilarang oleh pengurusan tempatan.

Para pekerja harus bercakap dengan penyelia mereka apabila berasa ragu sama ada sesuatu acara, lokasi atau perbelanjaan itu wajar.

Akhir sekali, ambil perhatian bahawa garis-garis panduan ini boleh diguna dalam keadaan di mana para pekerja Eaton hadir. Tiket-tiket untuk acara sukan atau budaya yang diberi oleh Eaton kepada para pembekal, pelanggan atau rakan-rakan bisnes di mana para pekerja Eaton tidak hadir sebenarnya “hadiah,” bukan “hiburan,” dan harus dilihat di bawah garis panduan hadiah di atas.

Prosedur Pemberitahuan Hadiah dan Hiburan

Prosedur Pemberitahuan Hadiah dan Hiburan akan merupakan elemen utama dalam memastikan pematuhan dengan dasar ini. Prosedur ini, yang akan

termasuk laporan secara online, sedang dikembangkan, dan akan disalurkan di seluruh Eaton sebaik saja ia selesai.

Contoh

Contoh-contoh berikut dibuat untuk menolong para pekerja dan penyelia membuat keputusan berpengetahuan mengenai kesesuaian memberi hadiah, hiburan atau perjalanan.

Betul: Selepas melawat sebuah kilang Eaton untuk melihat proses pengeluaran, seorang pelanggan dijemput untuk menghadiri persembahan sebuah orkestra tempatan di waktu malam.

Salah: Selepas melawat sebuah kilang Eaton untuk melihat proses pengeluaran, seorang pelanggan berkeras yang dia dibawa keluar pada waktu malam, termasuk kunjungan ke kelab-kelab untuk kaum lelaki di bandar tersebut.

Betul: Eaton menyimpul perjanjian satu kontrak yang penting dengan pelanggan baru. Semasa upacara menandatangani perjanjian itu, pengurus tempatan Eaton menghadiahkan kepada pelanggan satu set catur yang diukir tangan, yang bernilai AS\$200. Hadiah ini telah diluluskan oleh penyelia peringkat pertama dan kedua pengurus tersebut.

Salah: Dalam senario di atas, pengurus tempatan Eaton tahu bahawa dasar pelanggan mencegah penerimaan sebarang hadiah daripada pembekal, tetapi dia tetap memberi hadiah itu.

Betul: Seorang pelanggan penting menyambut ulangtahun ke 35nya dalam perkhidmatan. Seorang pengarah akaun Eaton menghadiahkan pelanggan itu sebotol wain dari kilang wain tempatan dan kad yang ditandatangani oleh para pekerja.

Salah: Pengurus akaun itu, daripada memberi wain, menghadiahkan pelanggan itu kad hadiah yang bernilai AS\$100.

Hadiah kepada Pegawai Kerajaan

Para pekerja Eaton harus terutama sekali berhati-hati apabila memberi hadiah kepada pegawai kerajaan. Oleh sebab undang-undang Amerika Syarikat dan kebanyakan negara melarang pemberian apa-apa yang bernilai kepada pegawai kerajaan untuk memperoleh atau mengekalkan bisnes dan mendapatkan kelebihan lain yang tidak betul, adalah penting untuk memastikan bahawa hadiah-hadiah ini tidak memberi tanggapan sebagai rasuah. Tambahan pula lagi, para pegawai kerajaan dilarang oleh undang-undang untuk menerima hadiah,

jadi memberi hadiah mungkin akan meletakkan pegawai itu dalam keadaan yang agak kekok.

Siapakah “Pegawai Kerajaan?”

Ungkapan “pegawai kerajaan” ialah ungkapan yang umum. Ia termasuk semua pekerja, di mana-mana peringkat, sebuah jabatan atau agensi kerajaan, sama ada eksekutif, perundangan atau kehakiman. Pegawai dan pekerja syarikat di bawah milik atau kawalan kerajaan juga dianggap sebagai “pegawai kerajaan.” Oleh itu, ungkapan ini termasuk bukan sahaja individu seperti pegawai yang dipilih, pengawas kastam dan cukai dan pegawai pemerolehan kerajaan, tetapi juga pekerja perusahaan milik negara.

Apakah yang wajar?

Sekali sekala, memberi hadiah (seperti hadiah dalam sesuatu upacara) kepada seorang pegawai kerajaan mungkin wajar untuk membina perasaan silaturrahim dan memperkukuhkan hubungan bekerja. Dalam kes begini, memberi hadiah kepada pegawai kerajaan dibenarkan *hanya* kalau:

- nilai hadiah ini kecil atau nominal (di bawah AS\$100) dan mengandungi logo Eaton (misalnya, sehelai pakaian, pen, dll.). Sebarang barangan yang dibeli dari laman web Eaton Company Store yang bernilai di bawah AS\$100 adalah sesuai. Hadiah yang tidak mengandungi logo Eaton ATAU bernilai lebih daripada nilai nominal (AS\$100 atau lebih) mungkin *hanya* diberi dengan kebenaran bertulis dahulu oleh Presiden Serantau berkenaan, atau, bagi Amerika Utara, oleh Naib Presiden unit fungsi, geografik atau bisnes;
- undang-undang tempatan membenarkan pegawai untuk menerima hadiah; dan
- hadiah ini dimaklumkan di bawah Prosidur Pemberitahuan Hadiah dan Hiburan.

Jumlah nilai terkumpul dalam setahun semua hadiah yang anda boleh beri kepada seseorang penerima tidak boleh melebihi AS\$250 kecuali dimaklumkan di bawah Prosidur Pemberitahuan Hadiah dan Hiburan Eaton dan diluluskan oleh Presiden Serantau yang berkenaan, atau bagi Amerika Utara, oleh Naib Presiden unit fungsi, geografik atau bisnes.

Ambil perhatian bahawa hadiah berikut adalah *tidak* wajar:

- hadiah wang tunai, atau sama dengan wang tunai (seperti kad hadiah atau sijil hadiah);
- hadiah perkhidmatan atau faedah bukan wang tunai (seperti janji-janji pekerjaan);

- hadiah diberi sebagai rasuah, sogokan (misalnya, untuk mendapat atau mengekalkan bisnes) atau untuk mendapat kelebihan yang tidak betul, seperti mendapat layanan cukai yang lebih baik;
- hadiah yang dilarang oleh undang-undang tempatan, atau yang para pegawai dilarang terima; dan
- hadiah kepada anggota keluarga pegawai.

Hiburan untuk Pegawai Kerajaan

Seperti memberi hadiah kepada pegawai kerajaan, hiburan untuk para pegawai mungkin dilihat sebagai rasuah. Dengan itu, para pekerja mesti berjaga-jaga apabila menawarkan hiburan kepada para pegawai kerajaan.

Ada situasi di mana menghibur para pegawai mungkin sesuai, seperti menyediakan makanan selepas lawatan ke kilang Eaton atau mengiringi seorang pegawai ke acara sukan atau budaya. Menghibur pegawai kerajaan dibenarkan *hanya* kalau hiburan itu:

- tidak terlampau atau berlebihan;
- bukan, atau tidak boleh dilihat sebagai, rasuah, sogokan (misalnya, memberi arahan untuk mendapat atau kekalkan bisnes atau dapat kelebihan yang tidak betul);
- tidak menyinggung perasaan dan berlaku di tempat bisnes yang sesuai; dan
- dimaklumkan di bawah Prosidur Pemberitahuan Hadiah dan Hiburan Eaton.

Yang berikut itu adalah *tidak wajar*:

- hiburan tidak mematuhi Dasar Perbelanjaan Perjalanan Serata Dunia Eaton, atau boleh dilihat sebagai berlebihan oleh pihak ketiga yang objektif;
- hiburan “dewasa” atau jenis acara yang melibatkan pertunjukan bogel atau perilaku lucah;
- hiburan yang, di bawah undang-undang tempatan, Eaton tidak dibenarkan beri, atau pegawai tidak dibenarkan terima; dan
- kegiatan yang khususnya dilarang oleh pengurusan tempatan.

Para pekerja harus bercakap dengan penyelia mereka apabila mereka berasa ragu sama ada sesuatu acara, lokasi atau perbelanjaan itu wajar.

Garis panduan ini diguna bagi situasi di mana para pekerja Eaton hadir. Tiket ke acara sukan atau budaya yang diberi oleh Eaton kepada pegawai kerajaan, di mana pekerja Eaton tidak hadir sebenarnya “hadiah,” bukan “hiburan,” dan harus dilihat di bawah garis panduan hadiah di atas.

Menyediakan Perjalanan kepada Pegawai Kerajaan

Seperti hadiah dan hiburan, memberi perjalanan kepada para pegawai kerajaan mestilah dilihat dengan hati-hati. Tetapi tidak seperti hadiah dan hiburan, perbelanjaan perjalanan jarang sekali “nominal.” Hasilnya, sebarang permintaan untuk pembayaran bagi perbelanjaan perjalanan untuk pegawai kerajaan mestilah disemak satu persatu.

Pembayaran sebarang perjalanan atau perbelanjaan berkaitan dengan perjalanan bagi pegawai kerajaan memerlukan kebenaran awal Jabatan Undang-undang. Apabila mendapat permintaan sebegitu oleh pegawai kerajaan, Jabatan Undang-undang mestilah dihubungi.

Semasa menyemak permintaan perjalanan, Jabatan Undang-undang akan mempertimbangkan beberapa faktor, termasuk sama ada:

- tujuan utama perjalanan ini ada kaitan dengan bisnes;
- kelas perjalanan adalah sesuai dan munasabah;
- perbelanjaan yang dicadangkan mematuhi undang-undang dan adat Amerika Syarikat dan tempatan; dan
- program perjalanan mengurangkan lawatan sampingan dan mengelak destinasi pelancong atau percutian.

Sila ambil perhatian bahawa Eaton biasanya tidak meluluskan sebarang perbelanjaan perjalanan untuk anggota keluarga pegawai kerajaan, dan tidak akan meluluskan lawatan yang nampaknya diberi untuk mendapat atau mengekalkan bisnes atau mendapat kelebihan yang tidak betul.

Prosidur Pemberitahuan Hadiah dan Hiburan

Prosidur Pemberitahuan Hadiah dan Hiburan Eaton akan merupakan elemen utama dalam memastikan pematuhan dengan dasar ini. Prosidur ini, yang akan termasuk laporan online, yang sekarang dikembangkan, dan akan disalurkan di seluruh Eaton sebaik sahaja selesai.

Contoh

Contoh-contoh berikut dibuat untuk menolong para pekerja dan penyelia untuk membuat keputusan berpengetahuan mengenai kesesuaian memberi hadiah, hiburan atau perjalanan kepada pegawai kerajaan.

Betul: Datuk Bandar sebuah bandar di mana terletak kilang Eaton melawat kilang tersebut. Selepas lawatan itu, dia menghadiri majlis makan dengan

pekerja Eaton. Di majlis makan itu, pengurus kilang menghadihkan baju sejuk yang mempunyai logi Eaton yang bernilai kurang daripada AS\$100.

Salah: Daripada memberi baju yang disebut di atas, pengurus kilang memberi datuk Bandar tersebut dua tiket (satu untuk dia dan satu untuk suaminya) ke satu permainan bola sepak.

Betul: Gabenor wilayah China menelefon pengurus kilang Eaton yang bertempat di wilayahnya, meminta diberi lawatan silaturrahim. Menurut adat tempatan Eaton menghadihkan gabenor itu hadiah upacara, seperti bekas bunga kristal yang bernilai AS\$150. Pengurus kilang menghubungi Presiden Eaton yang bertanggungjawab untuk Negara Cina untuk berbincang.

Salah: Setibanya di kilang tersebut, gabenur dalam contoh di atas meminta supaya kos perjalanannya, yang berjumlah hanya AS\$150, diganti kembali. Pengurus kilang mematuhi permintaan tersebut tanpa berbincang dengan Jabatan Undang-undang.

Betul: Menurut adat (dan dibenarkan oleh undang-undang tempatan) para pegawai di rantau menerima hadiah percutian daripada syarikat yang beroperasi dalam bidang perundangan mereka. Pengurus tempatan Eaton membincangkan hal ini dengan Presiden Serantau mereka untuk menentukan, apa, kalau ada, hadiah yang wajar.

Salah: Dalam senario di atas, pengurus tempatan memilih untuk memberi para pegawai kerajaan kad hadiah bernilai AS\$50 kepada peruncit tempatan.

Untuk mendapatkan maklumat tambahan, sila hubungi:

Deborah Severs

NP– Etika Global & Pematuhan

Tel: (216) 523-4909

DeborahSevers@eaton.com

Kevin Condon

NP – Ketua Kaunsel - Electrical

Tel: (919) 870-3062

KevinCondon@Eaton.com

Jonathan Dean

NP – Ketua Kaunsel – Komponen Trak

Tel: (216) 523-4129

JonathanDean@Eaton.com

William Hogsett

NP – Ketua Kaunsel - Automotive

Tel: (216) 523-4112

BillHogsett@Eaton.com

Taras Szmagala

NP – Ketua Kaunsel - Fluid Power

Tel: (216) 523-4502

TarasGSzmagala@Eaton.com

SOALAN-SOALAN YANG SERING DITANYA

Bagaimanakah seseorang pekerja boleh menentukan nilai hadiah yang mereka terima?

Gunakan akal bicara dan pertimbangan dalam menentukan nilai sebarang hadiah/hiburan yang diterima. Kalau tidak jelas, cubalah hubungi kedai atau semak melalui online, bagi barang-barang yang serupa. Kalau ragu, ikut proses pelaporan dan pemberitahuan.

Bagaimanakah seseorang pekerja tahu kalau sesebuah hadiah itu dilarang oleh pertubuhan pemberi hadiah?

Bukanlah perlu bagi anda untuk menyelidiki isu ini, tetapi, hadiah tidak boleh diterima apabila ianya begitu jelas bahawa ia dilarang oleh pertubuhan pemberi hadiah tersebut. Kalau tidak praktikal bagi anda untuk menolak hadiah tersebut, terima hadiah itu dan dengan segera bincangkan cara untuk bertindak balas dengan penyelia anda.

Adakah pertolongan dianggap sebagai hadiah?

Jawapannya mungkin berbeza. Menerima pertolongan daripada seorang pembekal, pelanggan atau lain-lain rakan bisnes mungkin menjejaskan, atau dilihat akan menjejaskan, pertimbangan pekerja atau mewujudkan percanggahan sebenar atau yang nyata antara kepentingan peribadi pekerja dengan kesetiaannya terhadap Eaton. Bincang dengan penyelia anda pertolongan yang meragukan anda dan cara untuk bertindak balas.

Di manakah letaknya laman web Eaton Company Store?

Eaton Company Store boleh didapati pada JOE. Klik pada "Promotional Merchandise" di bawah tab "Business Services".

Bolehkah pengurus kenakan garis panduan yang lebih ketat bagi kumpulan mereka (misalnya, rendahkan nilai hadiah yang dibenarkan)?

Ya, tetapi pengurus yang berbuat demikian harus memberitahu kumpulan mereka garis panduan ini serta apa yang diharapkan.